

23 SEP 2002

Langkawi-Warisan

LANGKAWI DISASAR SEBAGAI PUSAT PERCUTIAN BAGI PELBAGAI GOLONGAN

LANGKAWI, 23 Sept (Bernama) -- Langkawi perlu dijadikan pusat tumpuan percutian bagi semua golongan rakyat kerana ia merupakan warisan Malaysia sama seperti kedudukan pulau Bali bagi Indonesia dan Phuket bagi Thailand, kata Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Datuk Zainal Karib Abdul Rahim.

Beliau berkata oleh itu jabatan dan agensi kerajaan mesti sama membantu dalam meneruskan kemajuan Langkawi dengan mengadakan acara seperti persidangan, pameran dan Hari Keluarga.

"LADA mahu menjual Langkawi sebagai warisan negara dan ia mesti dijadikan tempat bercuti bagi semua golongan termasuk golongan atasan, kakitangan kerajaan dan swasta, golongan berada dan pengembara biasa," katanya kepada pemberita pada hari terakhir program pelancongan "Discover Langkawi".

Program empat hari itu yang dianjurkan oleh Persatuan Pelancongan Langkawi (LTA) dengan kerjasama Majlis Tindakan Pelancongan Langkawi (LTAC) disertai lebih 100 ejen pelancongan dan media massa termasuk dari Singapura.

Peserta dibawa meninjau tarikan pelancongan seperti perkhidmatan kereta kabel yang akan beroperasi November ini, Taman Laut Pulau Payar, hutan paya bakau dan gugusan pulau-pulau.

Beliau berkata LADA berhasrat menjadikan Langkawi sebagai pusat percutian yang penting sama seperti Pulau Cheju di Korea yang menjadi tumpuan rakyat negara itu untuk aktiviti percutian dan perkhemahan musim panas.

Mengenai masa depan Langkawi, Zainal Karib yakin masa depannya tetap cerah walaupun selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku perancang utama pembangunan pulau itu, bersara tahun depan.

Sejak dua tahun lepas industri pelancongan Langkawi semakin menampakkan kemajuan walaupun menghadapi cabaran dengan destinasi pelancongan lain di rantau ini dan dalam negeri, tambahnya.

Sementara itu Pengarah Pelancongan Wilayah Utara Maizan Ahmad berkata sektor swasta boleh membantu menyemarakkan lagi industri pelancongan dengan mengadakan pakej yang mempunyai kelainan untuk menarik pelancong datang semula ke Langkawi.

Presiden LTA I.Z.Melvin pula berkata program seperti "Discover Langkawi" merupakan usaha bersepadu sektor swasta untuk mempromosikan pulau peranginan itu.

"Pada masa depan, kami merancang untuk menjemput lebih banyak agensi pelancongan luar negara untuk melihat dari dekat kemudahan dan produk yang disediakan di sini," katanya.

-- BERNAMA

NH HM